



TEKS UCAPAN

**YB DATO' MOHD ZAFIR BIN IBRAHIM
SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

BAGI

**MAJLIS PERASMIAN KEJOHANAN SUKAN OLAHRAGA
PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SEMBILAN
SEMPENA ULANG TAHUN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
KE-4**

**STADIUM TUANKU ABDUL RAHMAN, PAROI
20 JANUARI 2024 (SABTU) JAM 8.00 PAGI**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

**SALAM NEGERI SEMBILAN BERSIH, MUAFAKAT,
SEJAHTERA. SALAM PERPADUAN. SALAM MALAYSIA
MADANI.**

Yang Berbahagia,
Dato' Masri bin Haji Razali
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Seremban

Yang Dihormati,
Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan

Ahli-Ahli Majlis,
Majlis Bandaraya Seremban dan Pihak Berkuasa Tempatan
Negeri Sembilan

Para atlit yang mewakili PBT Negeri Sembilan ; dan seterusnya

Para hadirin sekalian.

1. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Ilahi kerana dengan izin dan limpah-Nya dapat kita bersua di lembaran baharu tahun 2024, pembukan tirai tahun 2024 di dalam Majlis Perasmian Kejohanan Sukan Olahraga Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Majlis Bandaraya Seremban kerana telah menganjurkan sukan yang berprestij pada hari ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Majlis Bandaraya Seremban kerana menyambut ulang tahun ke-4 pada tahun ini setelah dinaiktaraf sebagai bandaraya pada tahun 2020.
2. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan ucapan terima kasih kepada Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan yang hadir pada hari ini dan menghantar pasukan untuk mewakili PBT masing-masing. Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada jaguh atlit yang bakal bertanding pada hari ini dan semoga berjaya dalam pertandingan yang bakal berlangsung.
3. Saya berasa bangga pada hari ini kerana semua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Sembilan terlibat di dalam penganjuran sukan yang saya anggap satu kejohanan

berprestij di mana ia dapat menghimpunkan seluruh PBT dalam Negeri Sembilan di dalam satu program sukan. Program seperti ini secara tidak langsung dapat mencungkil bakat-bakat sukan dikalangan warga kerja PBT di Negeri Sembilan dan seterusnya dapat diketengahkan serta digilap ke peringkat kejohanan yang lebih tinggi dan sekali gus akan mengharumkan nama Negeri Sembilan.

Para hadirin sekalian,

PEGAWAI PBT PERLU LEBIH PROAKTIF

4. Di dalam Hikayat Malim Deman, berkatalah Si Kembang Cina, pembatu Raden Galuh Cenderakirana yang diungkapkan melalui pepatah :

Belum dipanggil sudah datang ;

Belum disuruh sudah pergi ;

Belum diminta sudah diberi ;

Belum ditanya sudah jawab.

5. Merujuk kepada ungkapan yang saya sebutkan tadi, ia merujuk kepada satu budaya kerja cemerlang yang perlu ada di dalam diri pegawai dan warga kerja PBT di Negeri Sembilan. PBT Negeri Sembilan perlu sentiasa cakna dan berdedikasi tinggi di dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada pembayar cukai di lokaliti masing-masing. Melalui perkhidmatan yang terbaik inilah pastinya ia akan membangunkan sebuah perbandaran yang mampan selari dengan Konsep 6 Nilai Teras MADANI iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan yang diperkenalkan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia kini.

Para hadirin sekalian,

6. Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Penempatan Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan ke Pihak Berkuasa Tempatan Lain Dalam Sesuatu Negeri Bil.1/2023. Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-80 yang bersidang pada 14 Jun 2023 telah bersetuju dengan cadangan kaedah pelaksanaan penempatan pegawai PBT ke PBT lain tanpa perubahan Pihak Berkuasa Tempatan

Melantik melalui Jawatankuasa Penempatan Pegawai PBT yang akan ditubuhkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

7. Pelaksanaan penempatan pegawai PBT ke PBT lain dalam sesuatu Negeri adalah bertujuan untuk memperkasa penyampaian perkhidmatan Kerajaan Tempatan dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan perkhidmatan PBT yang bersifat tertutup (*closed service*). Disamping itu, pelaksanaan itu juga bertujuan untuk menambah baik tadbir urus PBT dan memperkukuh elemen integriti pegawai PBT selain memberi peluang mobiliti kepada pegawai PBT serta meningkatkan aspek pengalaman, akauntabiliti dan kredibiliti.
8. Sehubungan dengan itu, saya meminta pegawai-pegawai PBT di bawah Pentadbiran saya supaya bersiap sedia jika diarahkan untuk berpindah ke penempatan lain bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan berkongsi pengalaman dengan PBT di negeri lain. Perpindahan ini akan memberi manfaat kepada PBT melantik dengan penambahan lebih banyak idea untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan hasil PBT.

9. Perkhidmatan perbandaran yang berkualiti bermula daripada sistem jalan raya yang efisien, infrastruktur diselenggara dengan sempurna, landskap yang indah, alam sekitar yang lestari dan sistem perniagaan yang teratur pasti melahirkan warga bandaraya atau perbandaran yang sihat, berkualiti dan bertoleransi. Ciri-ciri masyarakat seperti inilah perlu ada di dalam sebuah Negara maju dan pihak PBT yang akan merencana agar ciri-ciri ini pada warga bandaraya / perbandaran mereka.

Para hadirin sekalian,

SUKAN ALAT KEPADA KERJASAMA YANG ERAT

10. Penganjuran program sukan seperti ini bukanlah mencari pemenang atau yang kalah. Ia bukan satu kayu pengukur atau medan untuk pertarungan bagi menguji kehebatan masing-masing malah penganjuran seperti hari ini adalah medan kerjasama yang erat antara PBT di Negeri Sembilan. Bak kata teromba :

Seikat seperti sirih,
Serumpun seperti serai,
Seciap seperti ayam,
Sedencing seperti besi,
Malu tak boleh diagih,
Suka tak boleh dianjak.

11. Sukan telah menyatukan kita dalam komposisi kepelbagaian budaya, bangsa dan agama yang menuntut kepada kecermatan akal fikiran dan berhemah serta tindakan. Kemajmukan yang kita raikan inilah yang menjadi benih membugar dalam hati setiap diri kita dan perlu terus dipertahankan. Justeru nilai setiap diri kita merupakan komponen penting demi menentukan jatuh, bangun bumi bertuah ini. Amalan yang tidak berpecah belah dan bermuafakat umpama peribahasa :

‘serumpun bak serai, sesusun bak sirih’

‘sakit sama mengaduh, luka sama menyiuk’.

12. Inilah antara objektif penganjuran program pada hari ini yang lain antaranya menerapkan nilai kesejahteraan dan kemuafakatan serta silaturahim antara kita sebagai 1 PBT yang berkhidmat di bawah Kerajaan Negeri Sembilan

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

13. Kerjasama semua pihak memainkan peranan penting dalam menentukan corak pembangunan di Negeri Sembilan di mana setiap perancangan yang hendak dilaksanakan perlu komprehensif dan mengambilkira semua aspek keperluan fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar. Justeru itu mentaliti dan anjakan paradigma ke arah budaya kerja yang lebih progresif adalah sangat diperlukan bagi memastikan segala perancangan akan datang dapat dicapai sepenuhnya.
14. Saya berharap penganjuran program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang dengan penglibatan lebih ramai atlit dalam sukan yang dipertandingkan. Saya menyeru agar warga PBT di Negeri Sembilan terus bersemangat dalam menjalankan amanah yang telah

dipertanggungjawabkan dan saya juga meminta agar kerjasama yang erat seperti sebelum ini terus diamalkan bagi menjadikan Negeri Sembilan sebuah negeri yang kukuh dengan perpaduan. Semoga segala usaha murni yang dilakukan sentiasa mendapat rahmat dan keberkatan daripadaNya.

15. Dengan Lafaz **BISMILLAH** saya merasmikan **KEJOHANAN SUKAN OLAHRAGA PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SEMBILAN SEMPENA ULANG TAHUN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN KE-4.**

Sekian, terima kasih

DATO' MOHD ZAFIR BIN IBRAHIM
SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
5 JANUARI 2024